



Tuanku Aishah (tengah) bersama Tunku Ali Redhaudin (tiga dari kiri) perkenan **beramah mesra** bersama penerima anugerah khas majlis Konvokesyen USIM yang ke-13 di Dewan Besar USIM.

[FOTO HAZREEN MOHAMAD/BH]

Sebak terima ijazah arwah suami

Bandar Baru Nilai: Seorang pegawai tadbir tidak dapat menahan sedih apabila mewakili arwah suaminya menerima ijazah pada majlis Konvokesyen ke-13 Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini, semalam.

Nor Diana Abdullah, 34, dari

Senawang, Seremban, berkata suaminya, Mohd Lokman Bujang, 38, sepatutnya menerima Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sekolah Rendah), namun meninggal dunia pada Mei lalu akibat sakit jantung.

"Arwah mula sakit sejak Disember lalu ketika sibuk me-

nyiapkan tesis, namun berjaya menyelesaikan tugas itu walaupun pada masa sama sibuk dengan tugas sebagai guru. Walaupun sedih arwah tidak dapat menerima sendiri ijazahnya, saya tetap berbangga dan gembira bagi pihaknya.

"Sebelum ini, kami berjanji mahu meneruskan pengajian peringkat sarjana bersama-sama sebaik arwah tamat pengajian ijazah sarjana muda, tetapi hasrat itu tidak kesampaian. Apa pun saya bertekad untuk meneruskan pengajian

ke peringkat lebih tinggi walaupun tanpa arwah," kata ibu kepada dua anak ini.

Beliau ditemui pemberita selepas majlis konvokesyen itu yang disempurnakan oleh Canselor USIM, Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud. Yang turut berangkat ke majlis itu ialah Pro-Canselor USIM, Tengku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhaudin Tuanku Muhriz.

Seramai 2,502 graduan menerima ijazah menerusi lima sesi yang diadakan selama tiga hari sehingga esok. Pada dua sesi semalam, seramai 823 graduan menerima ijazah doktor falsafah (PhD), ijazah sarjana, ijazah sarjana muda dan diploma.

Presiden Universiti Islam Malaysia (UIM), Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Pendidikan; bekas Ketua Hakim Negara, Tun Zaki Azmi (Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Syariah dan Kehakiman); bekas Dekan Pertama Fakulti Pergigian USIM, Prof Datuk Dr Wan Mohamad Nasir Wan Othman (Profesor Emeritus).